

**PROSEDUR PEMBAHAGIAN
HARTA PUSAKA
KECIL**

LAMPIRAN A

LANGKAH-LANGKAH UTAMA BAGI MENGURUSKAN
PERMOHONAN UNTUK MEMBAHAGI HARTA PESAKA KECIL

Langkah Utama	Perhatian	Rujukan	
1. PHT menerima permohonan untuk membahagikan harta pesaka kecil.	1.1	Permohonan hendaklah dalam Borang A dalam Peraturan-peraturan.	Seksyen 8(1) Akta dan Peraturan 3(1) peraturan-peraturan
	1.2	Permohonan hendaklah disertai dengan keterangan-keterangan.	
	1.3	Permohonan boleh jadi daripada orang yang berhak menerima pesaka, pemberi hutang, pembeli, penghulu (penggawa) atau Pentadbir Rasmi.	Seksyen 8(1) Akta
	1.4	Semua dokumen berkaitan keluaran bagi tanah (jika ada) hendaklah dikemukakan bersama dengan permohonan.	Seksyen 8(2) Akta
2. PHT mengarahkan Kerani membuka fail bagi permohonan itu.	2.1	Pengakuan penerimaan permohonan hendaklah dihantar dengan segera kepada pemohon.	
	2.2	Ruangan-ruangan berkenaan dalam rekod "Am 297 Pin. 1/69" hendaklah dipenuhi.	Pelatih-ing KPTG Bil. 13/1976.
3. PHT mengarah Kerani untuk mengisikan borang B dan menghantarkannya kepada Pendaftar, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.	3.1	Hanya butiran-butiran 1.3 Bahagian I dan kesemua Bahagian II dalam Borang B perlu	Seksyen 8(3) Akta dan Peraturan 3(1) Peraturan-peraturan.
	3.2	PHT hendaklah menandatangani di ruangan berkenaan dalam Bahagian II Borang B.	

4. PHT menerima jawapan dari Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.
- 4.1 Jawapan adalah dalam Borang C.
- 4.2 Jika jawapan itu adalah dengan bermaksud bahawa permohonan telah dibuat dahulunya. PHT hendaklah memberitahu pemohon mengenai peraka itu dan haknya (PHT) di bawah seksyen 8(9) dalam Akta untuk menggantungkan semua pembicaraan.
- 4.3 Jika jawapan itu adalah dengan bermaksud bahawa tidak ada permohonan dahulu telah dibuat. PHT akan menjalankan tindakan di langkah 5 dibawah.
- Peraturan 3 (2) Peraturan-peraturan
- Peraturan 4 (1) Peraturan-peraturan.
- Peraturan 4 (2) Peraturan-peraturan
5. PHT meminta Penghulu untuk membuat penyiasatan
- 5.1 Tujuan penyiasatan ialah:
- i. untuk menentukan bahawa semua harta simati yang bernilai dimasukkan dalam permohonan itu.
- ii. untuk menentukan bahawa semua orang yang berhak menerima pesaka dimasukkan dalam permohonan itu.
- 5.2 Berkenaan dengan tanah, PHT hendaklah mendapatkan daripada bahagian pendaftaran Pejabat Tanah atau daripada PHT lain atau daripada Pendaftar Hakmilik butir-butir mengenai tanah yang simati mempunyai kepentingan.
6. PHT mentaksirkan nilai pesaka
- 6.1 Jika tanah itu terletak di dalam daerahnya. PHT
- Seksyen 4(5) Akta

menganahkan Pegawai
Petempatan untuk
menilaiannya supaya
ia boleh menentukan
penilaiannya.

6.2 Bagi tanah di dalam
daerah lain, PHT
hendaklah mendapatkan
penilaiannya daripada
PHT daerah itu.

-sama-

6.3 Berkenaan dengan harta
alih, PHT yang
kepadanya permohonan
itu dikemukakan
hendaklah menilai
harta itu dimana
saharata berada.

Seksyen 8(5)
Akta

7. PHT menentukan sama
ada harta pesaka itu
harta pesaka kecil
atau tidak

7.1 Untuk menentukan ini,
PHT mentaksirkan nilai
harta pesaka itu
(harta alih dan
takalih) pada tarikh
penerimaan permohonan
dan jika terdapat
lebih daripada satu
permohonan, nilainya
adalah pada tarikh
menerima permohonan
yang lebih awal.

Seksyen 3(3)
Akta

7.2 Dalam mentaksirkan
nilai tanah, PHT boleh
menggunakan nilai
yang diberikan oleh
Pegawai Petempatan
sebagai panduan.

7.3 Harta pesaka itu
mestilah mengandungi
harta takalih
kesemuanya atau
sebahagian daripadanya.

Seksyen 3(2)
Akta

7.4 Bagi permohonan yang
diterima pada atau
selepas 10.6.1977,
nilai harta pesaka
kecil mestilah tidak
melebihi \$50,000/-.

Seksyen 3(2)
Akta

7.5 Untuk tujuan menentukan nilai harta pesaka kecil, harta-harta berikut janganlah dimasukkan:

i. mana-mana harta yang simati memegang atau berhak sebagai pemegang amanah dan tidak berhak mendapat faedah.

Seksyen 3(4)
Akta

ii. tanah yang didaftarkan dengan nama simati sebagai wakil atau sebagai pemegang amanah atau sebagai penjaga.

"Proviso"
Lepada seksyen
3(4) Akta

7.6 PHT hendaklah mengambil ingatan bahawa istilah "harta takalih" ertinya tanah dan apa-apa kepentingan atau hak keatas tanah atau faedah yang terbit atau yang akan terbit daripada tanah.

Seksyen 3
Akta Tafsiran
1967

7.7 Jika PHT yang menerima permohonan tidak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakannya oleh sebab sebahagian besar nilai harta itu tidak terletak didalam daerahnya ia hendaklah:

Seksyen 8(8)
Akta

i. memindahkan permohonan itu kepada PHT bagi daerah dimana bahagian besar nilai harta itu terletak; atau

ii. memohon perintah untuk memindahkan permohonan itu kepada PHT lain (selain daripada PHT yang mempunyai bidang kuasa untuk membicarakannya) permohonan itu) daripada Pengarah

Tanah dan Galian Negeri (jika harta itu terletak di dalam sebuah Negeri) atau daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri (jika harta itu terletak sebahagiannya di sebuah Negeri dan sebahagian lagi di Negeri lain) apabila ia mendapati bahawa adalah lebih manfaat bagi permohonan itu dibicarakan oleh PHT itu untuk kemudahan pihak-pihak atau saksi-saksi atau untuk keadilan.

- | | | | |
|---|-----|--|---|
| 8. PHT memindahkan permohonan ke Mahkamah Tinggi jika ia mendapati bahawa harta pesaka itu bukan pesaka kecil | 8.1 | PHT memenuhi Borang I dalam Peraturan-peraturan dan menghantarkannya bersama-sama dengan kertas-kertas berkenaan ke Mahkamah Tinggi. | Seksyen 8(7) Akta dan Peraturan 5 (1) Peraturan-peraturan |
| 9. PHT memindah permohonan kepada PHT lain dalam keadaan-keadaan tertentu | 9.1 | PHT (yang kepadanya permohonan dibuat) hendaklah mendapatkan perintah untuk memindahkan permohonan kepada PHT lain daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri (jika harta itu terletak di dalam sebuah Negeri) atau daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian (jika harta itu terletak sebahagiannya di sebuah Negeri dan sebahagian lagi di Negeri lain) jika ia mempunyai bidangkuasa untuk membicarakannya (olehsebab bahagian besar nilai harta itu terletak dalam | Seksyen 4(2) Akta |

daerah kecil tetapi
mendapatkan bahwa
adalah telah
bermata mata bagi
permohonan itu
dibicarakan oleh PHT
lain oleh mana-mana
sebagi yang berikut:

1. untuk pondasi dan
pilar-pilar atau
sasaran-sasaran.

11. untuk dinding.

9.2 Dalam mendapatkan
memeriksa sebagaimana
diperintahkan 9.1
di atas, PHT
hendaklah memenuhi
Borang R dalam
Peraturan-peraturan
dan menghantarkannya
kepada Pengarah Tanah
dan Galeri Heget atau
ketua Pengarah Tanah
dan Galeri yang akan
menyediakan perintah
dalam Borang R dalam
Peraturan-peraturan.

Peraturan 5
(2) dan (3)
Peraturan-
peraturan

9.3 Apabila menerima
perintah dalam Borang
R, PHT yang kepadanya
permohonan dibuat
hendaklah memindahkan
permohonan itu
bersama-sama dengan
dokumen-dokumen kepada
PHT yang akan
membicarakannya
sebagaimana yang
diperintahkan.

Peraturan 3
(4) Peraturan-
an-peraturan

9.4 Jika PHT memutuskan
bahawa harta pesaka
itu adalah harta
pesaka kecil tetapi
bahagian besar nilai
harta didalamnya tidak
terletak di daerahnya,
ia hendaklah
memindahkan kepada PHT
bagi daerah dimana
pada pendapatnya

Seksyen 8(8)
Akta

tersebut bahagian
besar nilai harta itu.

10. Jika simati seorang
Islam, PHT hendaklah
mendapatkan cara pem-
bahagian harta pesaka
daripada Kadi Daerah.

11. PHT menetapkan
tarikh, masa dan
tempat pembicaraan
dan mengeluarkan
notis dalam Borang
D.

11.1 Tarikh pembicaraan
tidak boleh kurang
daripada 30 hari dari
tarikh notis dalam
Borang D.

Seksyen 9(1)
dan (2) Akta
dan Peraturan
6(1),(2) dan
(3) Peraturan
peraturan.

11.2 Salinan-salinan notis
dalam Borang D
hendaklah ditampal
di Pejabat Tanah dan
di mana-mana tempat
tumpuan awam
sebagaimana yang
diarahkan oleh PHT.

-sama-

11.3 Dimana yang boleh
salinan-salinan notis
dalam Borang D
hendaklah juga
disampaikan kepada
waris-waris yang
dewasa dan sipiutang-
sipiutang simati.

-sama-

11.4 Apabila menetapkan
tempat untuk
pembicaraan, PHT
hendaklah menimbangkan
kemudahan pihak-pihak
dan saksi-saksi.

Seksyen 11(1)
Akta

12. PHT membuat perin-
tah perlantikan se-
seorang itu sebagai
penjaga dalam kea-
daan tertentu.

12.1 Bagi maksud-maksud
segala pembicaraan
untuk membahagikan
harta pesaka kecil,
PHT boleh dengan
perintah dalam Borang
H dalam Peraturan-
peraturan melantik
melantik mana-mana
orang yang sesuai dan
sepatutnya untuk
menjadi penjaga
seorang rumaja atau
orang yang akalnya

Seksyen 10(1)
Akta dan Per-
aturan 8 Per-
aturan-pera-
aturan.

- tidak sempurna yang dinamakan didalam permohonan itu sebagai pihak penuntut keatas harta pesaka simati atau orang yang pada pandangan PHT ada kepentingan didalam pembahagian harta pesaka itu.
- 12.2 Apabila melantik seseorang menjadi penjaga, PHT hendaklah mengambil perhatian mengenai undang-undang diri atau adat yang menyentuh rumaia itu atau orang yang akalnyia tidak sempurna itu. Seksyen 10(2) Akta
13. PHT mengadakan pem- 13.1 PHT hendaklah merekodkan dengan bertulis keterangan semua saksi yang hadir. Seksyen 12(1) Akta
- 13.2 PHT hendaklah membenarkan pemeriksa-balas mana-mana saksi yang hadir oleh mana-mana orang yang hadir yang menuntut bahawa ia berkepentingan dalam harta pesaka itu atau yang telah dilantik sebagai penjaga di langkah 12 di atas. -sama-
- 13.3 Keterangan oleh saksi-saksi diperenggan 13.1 diatas hendaklah diberi dengan bersumpah atau pengakuan. -sama-
- 13.4 PHT boleh mengikut budibicaranya memeriksa sebagai saksi mana-mana orang yang didapati boleh memberi keterangan yang berkaitan. Seksyen 12(2) Akta

- 13.5 PHT hendaklah juga membenarkan mana-mana orang yang hadir yang menuntut bahawa ia ada kepentingan dalam harta pesaka itu atau yang telah dilantik sebagai penjaga di langkah 12 diatas untuk memeriksa-balas saksi diperenggan 13.4 diatas.
- 13.6 PHT boleh menghendaki kehadiran Penghulu yang difikirkannya boleh memberi maklumat mustahak mengenai simati atau harta pesakanya.
- 13.7 PHT boleh memeriksa Penghulu sebagai saksi.
- 13.8 PHT hendaklah meminta keterangan apabila perlu untuk menentukan undang-undang agama atau adat yang terpakai terhadap penurunan harta pesaka simati.
- 13.9 PHT hendaklah menentukan jumlah cukai harta pesaka (jika ada), belanja kematian kematian dan hutang simati bilamana berbangkit.
- 13.10 PHT hendaklah menimbang tuntutan mana-mana orang yang dikatakan pembeli yang hadir semasa pembicaraan dan hendaklah menentu dan merekodkan siapa, pada tarikh pembicaraan, yang sebenarnya menduduki mana-mana tanah yang dituntut

-samaa

Seksyen 12(2)
Akta

-samaa

Seksyen 12(4)
Akta

Seksyen 12(5)
Akta

Seksyen 12(6)
Akta

oleh orang yang dikatakan pembeli, tarikh yang seberapa tepat sebagaimana keterangan membenarkan, bila ia menduduki dan siapa pada tarikh dibuat permohonan, yang memiliki dokumen hakmilik keluaran yang berkenaan.

13.11 PHT hendaklah menentukan mengikut cara sebagaimana yang sepatutnya, undang-undang yang terpakai terhadap penurunan harta pesaka simati dan hendaklah memutuskan siapa menurut undang-undang itu yang berhak menerima pesaka dan bahagian dan kepentingana mereka masing-masing.

Seksyen 12(7)
Akta

13.12 PHT boleh, jika ia memikirkan perlu atau mustahak, menangguhkan pembicaraan dari masa kesemasa dan boleh menetapkan tempat lain untuk pembicaraan yang ditangguhkan itu.

Seksyen 12(8)

13.13 Sebelum membuat perintah pembahagian, PHT boleh membuka semula pembicaraan bagi maksud mengambil keterangan tambahan mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dan hendaklah membuka semula pembicaraan bagi apa-apa maksud jika diarahkan sedemikian oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri.

Seksyen 12(9)

13.14 PHT hendaklah

menyediakan catitan-catitan pembicaraan yang mengandungi diantara lain, seperti berikut:

- i. nombor pembicaraan misalnya 3/1980 atau 11/1980;
- ii. nama PHT yang mengadakan pembicaraan
- iii. nama simati;
- iv. tarikh kematian dan keterangan kematian;
- v. perihal harta alih dan harta takalih yang ditinggalkan oleh simati;
- vi. penilaian harta itu;
- vii. catitan mengenai penyiaran dan penyampaian notis dalam Borang D.
- viii. catitan mengenai kehadiran waris-waris pemberi hutang penghutang atau pembeli sebagaimana dalam permohonan;
- ix. catitan mengenai keterangan saksi-saksi
- x. keputusan dan alasan-alasannya bagi membuat keputusan itu.

13.15 Kecuali di dalam keadaan di perenggan 14 dibawah, PHT hendaklah menyediakan perintah sebagaimana di langkah 15 dibawah pada akhir pembicaraan dan setelah dijelaskan bayaran perintah (#2/) sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan dan cukai harta pesaka jika dikenakan.

Seksyen 13(1) dan 16(1) Akta dan Peraturan 7(1) dan (2) Peraturan-peraturan.

13.16 PHT jangan menyediakan perintah sebagaimana di langkah 15 di bawah jika semasa pembicaraan dijalankan

Seksyen 14(1) Akta

didapati bahawa
pertikaian bersamping-
an patut diputuskan
dahulu sebagai
gantinya ia hendaklah
mengambil tindakan
sebagaimana dilangkah
14 di bawah.

14. PHT mengeluarkan
perakuan dalam
Rorang L jika se-
masa menjalankan
pembicaraan ia me-
nemui pertikaian
bersampingan dan
mengambil tindakan
tertentu selepas
mengeluarkan per-
akuan itu.

14.1 Pertikaian bersamping-
an ertinya perteling-
kahan mengenai samada:
mana-mana harta alih
atau harta takalih
atau apa-apa hak atau
kepentingan dalam
mana-mana harta itu
menjadi sebahagian
daripada harta pesaka
simati;

Seksyen 14(1)
dan (2) Akta
dan peraturan
11(1) Peratu-
ran-peraturan

ii. mana-mana orang yang
berhak mendapat faedah
mana-mana harta alih
atau harta takalih
atau apa-apa hak atau
kepentingan dalam
mana-mana harta yang
pada waktu kematiannya
simati memegang atau
berhak memegangnya
sebagai pemegang
amanah tetapi tidak
berhak mendapat faedah.

iii. apa-apa hutang atau
jumlah wang tertentu
yang kena dibayar
kepada mana-mana orang
yang menuntutnya
daripada harta simati
atau apa-apa hutang
atau jumlah wang
tertentu adalah
terhutang atau kena
dibayar kepada harta
simati oleh mana-mana
orang.

iv. apa-apa bahagian atau
apa-apa hak atau
kepentingan dalam
mana-mana bahagian
orang yang berhak
menerima pesaka dalam
harta pesaka simati
telah diserahkan atau

diletakkan hak kepada mana-mana orang lain, samada yang berhak menerima pesaka atau tidak.

14.2 Apabila mengeluarkan perintah dalam Borang L, PHT hendaklah memutuskan samada ia boleh membicara dan memutuskan pertikaian bersampingan itu.

14.7 PHT tidak boleh membicarakan pertikaian bersampingan dan ia dikehendaki memberi arahan dalam Borang O Peraturan-peraturan kepada pihak-pihak berlemaan meminta mereka supaya membawa pembicaraan di Mahkamah dalam tempoh dua bulan dari tarikh arahan itu jika;

- i. hal perkara pertikaian itu ialah harta takalih atau apa-apa hak atau kepentingan didalamnya yang didaftarkan dengan nama simati sebagai tuannya atau tuannya bersama dan jika semasa kematian simati orang lain telah mendudukinya dan jika PHT berpuas hati bahawa oleh sebab suatu perjanjian jualan harta itu oleh simati, simati pada tarikh kematiannya tidak mempunyai hak atau kepentingan berfaedah itu adalah menjadi pertikaian diantara dua pihak yang menuntut atau lebih;
- ii. hal perkara pertikaian ialah harta alih yang nilainya melebihi

Seksyen 14(5) - 5
Akta

Seksyen 14(6)
Akta

\$1000/-.

- 14.4 PHT membicारा dan memutuskan sebagaimana di perenggan 14.5 dibawah pertikaian bersampingan jika;
- i. hal perkara pertikaian itu ialah harta alih yang nilainya tidak melebihi \$1000/- Seksyen 14(3) Akta
 - ii. hal perkara ialah seperti di perenggan 14.3(i) diatas Seksyen 14(4) Akta
 - iii. hal perkara ialah seperti diatas tetapi pihak itu tidak membawa pembicaraan di Mahkamah dalam tempoh dua bulan dari tarikh arahan dalam Borang O Peraturan-peraturan. Seksyen 14(5) dan (6) Akta
- 14.5 Mengenai pertikaian bersampingan di perenggan 14.4 diatas, PHT hendaklah mengambil tindakan berikut: Seksyen 14(8) Akta
- i. menetapkan masa, tarikh dan tempat untuk membicarakan pertikaian bersampingan itu (tarikh itu tidak boleh kurang daripada 30 hari dari tarikh notis dalam Borang M Peraturan-peraturan bagi kes di perenggan 14.4 (i) atau (ii) diatas dan tidak boleh kurang daripada 10 hari bagi kes diperenggan 14.4 (iii) di atas. Peraturan 11 (3) dan (6) Peraturan-peraturan.
 - ii. mengeluarkan notis dalam Borang M Peraturan-peraturan. Notis itu hendaklah ditampal di Pejabat Tanah dan dimana-mana Peraturan 11 (2) Peraturan-peraturan.

tempat tumpuan awam
sebagaimana yang
diarahkan oleh PHT.
Jika boleh
dipraktikkan salinan-
salinan notis itu
hendaklah disampaikan
kepada semua orang
yang diberitahu kepada
PHT sebagai pihak-
pihak dalam pertikaian
itu:

15. mengeluarkan perintah
dalam Borang N
Peraturan-peraturan
selepas dibuat
keputusan dalam
pertikaian
bersampingan itu dan
selepas dijelaskan
bayaran perintah
sebagaimana yang
ditetapkan dalam
Peraturan-peraturan.

Peraturan 11
(4) Peraturan-
peraturan.

15. PHT menyediakan
perintah pembaha-
gian dalam Borang
E Peraturan-per-
aturan

15.1 PHT melakukan ini pada
akhir pembicaraan dan
jika tidak terdapat
pertikaian
bersampingan

Seksyen 13(1)
14(1) dan 16
(1) Akta dan
Peraturan-
peraturan

15.2 Jika terdapat
pertikaian
bersampingan PHT
hendaklah menangguhkan
daripada membuat
pembahagian sehingga
perintah mengenai
pertikaian itu
dikeluarkan olehnya
atau oleh Mahkamah.

Seksyen 14(1)
Akta

15.3 Jika terdapat
pertikaian bersamping-
an, PHT hendaklah
menangguhkan daripada
membuat pembahagian
sehingga perintah
mengenai pertikaian
itu dikeluarkan
olehnya atau oleh
mahkamah.

Seksyen 14
(10) Akta

15.4 Perintah pembahagian hendaklah mengandungi: Seksyen 13(1) Akta

- i. peruntukan mengenai pembayaran cukai harta pesaka jika ada;
- ii. peruntukan mengenai pembayaran belanja kematian;
- iii. peruntukan mengenai pembayaran hutang simati, jika ada;
- iv. peruntukan pembayaran balik kepada mana-mana orang mengenai apa-apa bayaran yang dibayar oleh orang itu dibawah Akta;
- v. peruntukan meniadakan supaya dijual kesemua atau mana-mana bahagian dari harta pesaka itu bagi maksud membayar perbelanjaan, hutang atau bayaran yang tersebut diatas;
- vi. peruntukan mengenai pembahagian baki harta pesaka diantara orang-orang yang berhak menerima harta menurut bahagian masing-masing

15.5 Jika simati seorang Islam, pembahagian harta pesaka sebagaimana diperenggan 15.4(vi) diatas hendaklah dibuat selepas PHT telah berpuas hati bahawa apa-apa bahagian harta pesaka yang kena dibayar kepada baitulmal telah disempurnakan pembayarannya atau peruntukan yang sepatutnya telah dibuat mengenai pembayarannya.

"Proviso" kepada Seksyen 13(1) Akta

15.6 Pembahagian harta pesaka sebagaimana diperenggan 15.4(vi) diatas hendaklah dibuat dengan Seksyen 13(1) Akta

tertakluk kepada
peruntukan seksyen 15
Akta yang memberikan
kuasa-kuasa tertentu
kepada PHT dalam
pembahagian harta
pesaka.

- 15.7 Pembahagian harta pesaka sebagaimana diperenggan 15.4(vi) diatas juga hendaklah dibuat dengan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut:
- i. PHT dengan perintahnya hendaklah mengarahkan supaya bahagian mana-mana kanak-kanak yang berhak menerima harta dalam mana-mana harta takalih didaftarkan dengan nama orang yang sesuai sebagai pemegang amanah dan hendaklah memasukkan kaveat untuk melindungi kepentingannya semasa remaja.
- ii. Jika PHT mendapati bahawa simati adalah pemegang amanah untuk mana-mana orang mengenai mana-mana tanah yang dipegang dengan nama simati tetapi tidak didaftarkan demikian ia hendaklah, menlainkan jika sekiranya difikirkannya patut dirujuk ke Mahkamah, mengarahkan harta amanah itu dipindahkan kepada pemegang amanah yang baharu atau kepada orang yang berhak menerima pesaka sebagaimana yang ia fikirkan patut tetapi dengan tidak menyentuh
- Seksyen 13(1)
Akta
- Seksyen 13(2)
Akta
- Seksyen 13(3)
Akta

apa-apa hak atau kepentingan yang didaftarkan atas tanah mana-mana pemberi hutang simati atau mana-mana orang yang memperoleh hak melalui simati.

iii. Jika keadaan tersebut menghendaki sedemikian, sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada perintah pembekuan, PHT hendaklah memberi surat meniadakan posaka (dalam Borang F berserta dengan jadual harta simati dalam Borang FF dalam Peraturan-peraturan kepada orang/orang-orang sebagaimana yang ia fikirkan patut dengan tertakluk kepada apa-apa jaminan (dalam Borang G dalam Peraturan-peraturan) yang diperlukannya dan ia boleh mengecualikan keperluan jaminan itu mengikut budi bicarannya.

Seksyen 13(4)
Akta dan peraturan 7(2)
Peraturan-peraturan.

iv. Jika PHT mendapati bahawa mana-mana orang telah membuktikan tuntutan sebagai pembeli (menurut maksud seksyen 2 Akta) mana-mana tanah yang didaftarkan dengan nama simati ia hendaklah dengan perintah memindahkan tanah itu kepada pembeli itu, dengan tertakluk kepada apa-apa syarat mengenai pembayaran baki wang jualan yang masih terhutang atau secara

Seksyen 13(6)
Akta

lain sebagaimana yang
ia fikirkan patut
mengenakan;

v. jika pada pandangan
PHT mana-mana orang
membuat tuntutan
sebagai pembeli mana-
mana tanah yang
didaftarkan dengan
nama simati adalah
bukan pembeli tetapi
berhak kepada apa-apa
bayaran sebagai
pampasan atau
pelepasan daripada
harta pesaka simati ia
hendaklah merekodkan
pandangan yang
bermaksud sedemikian
dan hendaklah
memperuntukkan
dalam perintah itu
mengenai pembayaran
bayaran tersebut
kepada orang itu
sebagai hutang simati;

Seksyen 13(6)
Akta

vii. jika didapati bahawa
hutang simati adalah
atau mungkin melebihi
harta pesaka PHT
hendaklah memberi
surat mentadbir pesaka
(dalam Borang F
berserta dengan Jadual
borang FF dalam
Peraturan-peraturan)
kepada orang yang
layak bagi pihak
kumpulan am sipiutang
atau kalau tidak
memerintahkan supaya
harta pesaka itu
ditadbirkan oleh
Pegawai Pemegang
Harta.

Seksyen 13(7)
Akta

15.8 PHT hendaklah
menyediakan perintah
dalam Borang E atau
Borang E berserta
dengan Borang F dan FF
atau dalam Borang F
bersama Borang FF jika

bawakan perintah
sebagaimana dalam
jadual kedua
Peraturan-peraturan
yaitu 27 dan cukai
harta pesaka, jika ada
telah dijelaskan.

15.9 Selepas membuat
perintah sebagaimana
diperenggan 15.8
diatas, PHT hendaklah
memenuhi butiran 4 dan
5 dalam Bahagian 1
Babang F Peraturan-
peraturan dan
menghantarkannya
kepada Pendaftar
Malamah Inqqi, Kuala
Lumpur.

Peraturan 7(3)
Peraturan-
peraturan

15.10 PHT hendaklah
mengarahkan Kerani
supaya mengisi ruangan
berkenaan dalam rekod
"Form 297 Fin. 1/69".

Pekeliling
KPTG Bil. 13
/1976

15.11 Jika rayuan terhadap
perintah itu tidak
dibuat dalam tempoh 14
hari dari tarikh
perintah itu
dijatuhkan, PHT akan
meneruskan tindakan
dalam langkah 16
dibawah.


Seksyen 16(1)
dan 29(2)
Akta dan Per-
aturan 10(1)
(c) Peraturan-
peraturan.

16. PHT mengambil
tindakan untuk men-
dapatkan perintah
yang berhubung
dengan tanah.


16.1 PHT hendaklah menyedia-
kan salinan-salinan-
perintah yang secukup-
nya untuk diedarkan
kepada bahagian per-

Seksyen 16(1)
Akta.

daftar pejabatnya
(jika hakmilik bagi
tanah itu didaftarkan
di pejabatnya) atau
kepada pihak berkuasa
pendaftaran tertentu
yang lain (jika
hakmilik bagi tanah
itu didaftarkan di
Pejabat / Pendaftaran
yang lain.



TAMAT



100